

Menghindari sifat mazmumah di jalan raya: Mujahadah yang dituntut

Hambali Jaili

Abstrak

Ajaran Islam adalah ajaran yang bersumber pada wahyu Allah, Al-Qur'an dalam penjabarannya terdapat pada hadis Nabi Muhammad SAW. Masalah akhlak dalam Islam mendapat perhatian yang sangat besar. Berdasarkan bahasa, akhlak berarti sifat atau tabiat. Berdasarkan istilah, akhlak berarti kumpulan sifat yg dimiliki oleh seseorang yang melahirkan perbuatan baik dan buruk. Salah laku jalan raya merupakan sifat mazmumah yang berkaitan dengan sikap pengguna jalan raya. Dari segi etika perkara ini berpunca daripada keperibadian pengguna jalan raya yang buruk, penyusunan tatatingkat nilai yang bermasalah dan juga pelbagai masalah psikologi yang memecahkan benteng moral pemandu. Bagi menyelesaikan masalah salah laku jalan raya semua pihak seharusnya mengambil pendekatan penyelesaian menyeluruh agar ianya dapat diubah dengan nilai ajaran Islam yang syumul. Oleh yang demikian, apabila sifat mahmudah dapat dihayati dan peraturan jalan raya yang telah ditetapkan oleh pihak berkenaan dipatuhi serta disertai dengan sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala di setiap keadaan, tempat dan masa akan dapat menghindarkan dari perkara-perkara yang tidak diingini dan sentiasa berada dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Pendahuluan


Bidang pengangkutan memainkan peranan penting dalam menyelaras segala program pembangunan sesebuah negara. Sektor pengangkutan bukan sahaja merupakan penawaran perkhidmatan yang produktif dan berpotensi, tetapi juga merupakan penawaran kemudahan mod pergerakan umum dalam pelbagai jenis dan bentuk bersesuaian dengan kehendak kemajuan masyarakat. Malah dewasa ini pengangkutan merupakan keperluan dalam kemudahan pergerakan manusia dan barangan yang perlu dimiliki dan menjadi asas utama dalam kehidupan seharian. Dengan perkembangan aktiviti manusia yang kian meningkat dan bertambah kompleks melalui pelbagai fungsi dan aktiviti seharian secara tidak langsung meningkatkan keperluan permintaan terhadap pelbagai jenis kenderaan.

Serentak dengan itu, jumlah kenderaan di jalan raya juga meningkat dengan pesatnya pada setiap tahun. Dengan bertambahnya bilangan kenderaan secara berterusan di negara kita ketika ini seperti juga di negara-negara lain terutama di bandar-bandar utama dan di jalan-jalan raya utama secara langsungnya telah menimbulkan pelbagai isu dan permasalahan lalu lintas khususnya kemalangan jalan raya. Banyak masalah sosial dan ekonomi yang serius telah timbul mutakhir ini dengan meningkatnya jumlah kemalangan jalan raya. Kejadian kemalangan jalan raya merupakan salah satu masalah utama negara ketika ini yang melibatkan pelbagai aspek sosio-ekonomi. Kehilangan nyawa manusia di kalangan pengguna jalan raya merupakan kehilangan yang besar dalam perolehan sumber manusia di samping kerosakan dan kerugian harta benda.

Mengikut statistik, jumlah kemalangan yang dicatatkan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei melalui Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL) di seluruh negara ini pada 2014 telah meningkat sebanyak 1 peratus berbanding tahun sebelumnya, daripada 3,338 kes pada 2013 kepada 3,366 kes.

Berdasarkan statistik tersebut, kemalangan-kemalangan berkenaan mengakibatkan 24 kematian, 42 cedera parah dan 392 cedera ringan sebagaimana yang dapat dilihat melalui jadual statistik kemalangan jalan raya di Negara Brunei Darussalam 2010-2014 di bawah:

STATISTIK KEMALANGAN JALANRAYA DI BRUNEI DARUSSALAM



Ini ditambah lagi dengan Sikap buruk seperti tidak berdisiplin, tidak bertimbang rasa, angkuh, mahu cepat sampai, tidak sabar, agresif dan gagal menghormati undang-undang adalah antara sikap negatif yang membawa kepada kemalangan jalan raya.

Akhlak Mazmumah menurut Islam

Akhlak mazmumah ialah perangai atau tingkah laku yang tercermin pada diri manusia yang cenderung melekat dalam bentuk yang tidak menyenangkan orang lain.

Dalam beberapa kamus dan ensiklopedia dihimpun pengertian “buruk” sebagai berikut:

- Rusak atau tudak baik, jahat, tidak menyenangkan, tidak elok, jelek.
- Perbuatan yang tidak sopan, kurang ajar, jahat, tidak menyenangkan.
- Segala yang tercela, lawan baik, lawan pantas, lawan bagus, perbuatan yang bertentangan dengan norma-norma atau agama, adat istiadat, dan masyarakat yang berlaku.

Mazmumah dalam konteks di jalan raya

Sedasawarsa ini, sering meniti dari bibir ke bibir umat manusia tentang isu kemalangan maut yang semakin banyak berlaku di negara kita ibarat cendawan tumbuh selepas hujan. Hal ini dikatakan demikian kerana fenomena ini kian kritikal dan menggusarkan fikiran masyarakat kita. Banyak orang berfahaman bahwa sifat mazmumah hanya berhubung kait dengan sikap dan akhlak individu dalam urusan ugama seperti ibadah, tingkah laku, adab sopan dan sebagainya.

Antara punca kemalangan maut yang paling signifikan ialah sikap pemandu atau penunggang itu sendiri. Hal ini disebabkan pemandu yang bersikap mementingkan diri, malah tidak sabar ketika berada di jalan raya dan tidak mematuhi jalan raya. Sebagai contoh, pemandu kenderaan yang memandu kereta dengan laju tanpa mematuhi had laju yang dibenarkan. Secara tidak langsung, pemandu bukan sahaja mempertaruhkan nyawa sendiri malah nyawa pengguna jalan raya yang lain. Antara contoh yang lain ialah gelagat pemandu yang suka memecut dan memotong kenderaan lain dalam keadaan yang tidak selamat seperti di kawasan yang sempit, di selekoh, di garisan berkembar dan memotong di sebelah kiri kenderaan. Jelaslah bahawa sikap pemandu atau penunggang motosikal itu sendiri merupakan faktor utama menyebabkan berlakunya kemalangan maut. Dalam kertas kerja ini dikongsikan beberapa sifat dan akhlak mazmumah yang dikenal pasti sering berlaku ketika berada di jalan raya.

1. Tidak Sabar dan Marah

Marah merupakan suatu bentuk emosi yang memang lumrah atau alami ada pada setiap manusia, namun *wujudnya* berbeza-beza. Secara istilah, **الْغَضَبُ** bererti perubahan emosi oleh kekuatan untuk menghilangkan perasaan tidak nyaman dan gemuruh di dada. Marah boleh membuat seseorang berbuat kekerasan terutama bagi mereka yang tidak mampu mengawal emosi dengan baik hingga menyebabkan kemarahan tidak dapat dibendung serta dikawal.

Hukum Marah dalam Islam

- **Wajib**

Marah seperti ini adalah dituntut dalam ajaran Islam. Sebagai contoh ketika kita melihat perbuatan maksiat atau dosa berlaku di hadapan kita. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Apabila kamu melihat kemungkaran maka ubahlah dengan tangan/kekuasaanya, apabila tidak mampu, maka ubahlah dengan ucapan/lisan (nasihat), apabila tidak mampu, maka ubahlah dengan hati. Dan yang terakhir, inilah merupakan serendah-rendahnya iman. (H. R. Muslim).

- **Sunnah**

Marah juga dituntut jika ianya lebih banyak mendatangkan kebaikan berbanding dari melakukannya. Contohnya adalah ketika Rasulullah SAW marah pada sahabat yang memanjangkan bacaan surah pada ketika shalat. Adapun kemarahan Rasulullah tersebut bukan dalam hal yang maksiat, karena dimaksudkan jika seorang imam dalam shalat memanjangkan bacaan suratnya tapi tidak disukai oleh makmumnya maka akan boleh menjadi haram (bacaan panjang tersebut).

- **Mubah**

Marah dalam perkara *mubah* (harus) hukumnya juga boleh dilakukan. Dalilnya adalah seperti yang pernah terjadi pada Abu Bakar RA ketika suatu ketika beliau marah pada anaknya kerana kebetulan tetamu yang datang ke rumah belum diberi makan padahal tetamu tersebut sengaja menunggu Abu Bakar datang dulu baru ia hendak makan. Abu Bakar RA marah kerana anaknya, Abdurrahman, sempat bersembunyi kerana takut dimarahi.

- **Makruh**

Marah seperti ini pula adalah tidak digalakkan dalam Islam. Sekalipun ianya merupakan perbuatan yang apabila kita lakukan tidak berdosa, namun jika ditinggalkan akan mendapat pahala. Contohnya; ketika Sa'ad bertanya pada Rasulullah perihal seumpama ada lelaki yang berzina dengan istrinya, maka ia akan membunuh lelaki itu sebelum mendatangkan empat orang saksi. Marahnya Sa'ad ini adalah makruh kerana ucapan beliau itu hanyalah merupakan andaian terlebih dahulu.

- **Haram**

Marah juga boleh menjadi haram jika kemarahan itu disertai dengan caci maki, hinaan, dan kata-kata yang keji. Dan inilah yang sering berlaku ketika berada di jalan raya apabila hilangnya rasa sabar dan terburu-buru untuk sampai ke destinasi yang hendak dituju.

Sabar dan menahan marah di jalan raya

Pujangga ada berkata jika ingin melihat 'warna sebenar' seseorang, berikan dia kuasa. Apabila berkuasa barulah kita nampak diri seseorang yang hakiki dan sejati. Segala sifat mazmumahnya seperti tamak, ego dan marah akan terserlah. Begitu yang kerap dipesankan oleh orang yang bijaksana. Namun, dalam konteks hari ini, jika ingin melihat warna sebenar seseorang, lihatlah bagaimana dia memandu di jalan raya.

Sikap pemanduan di jalan raya menyerlah 'warna' kita yang sebenar. Ketika berada di jalan raya, semua sifat mazmumah dalam diri kita akan terbungkil keluar. Pelbagai cabaran dan ujian di atas jalan raya akan menyebabkan sifat sebenar diri kita (yang selama ini terpendam) akan terserlah. Apa yang ada di dalam hati kita sama ada sifat mahmudah atau mazmumah akan terserlah ketika berada di jalan raya khususnya ketika memandu kenderaan.

Sifat marah misalnya, akan terkeluar apabila ada kenderaan lain memotong kenderaan kita dengan cara yang berbahaya. Jika kita membalas perlakuan itu dengan cara menyumpah, memaki hamun, membunyikan hon dengan kuat tanda tidak puas hati, maka sahlah kita seorang yang pemaarah.

Sifat mementingkan diri, akan terkeluar apabila kita memotong barisan atau mengambil laluan kecemasan apabila berlaku kesesakan lalu lintas. Begitu juga dengan sifat ego, apabila kita memandu laju tanpa memikirkan keselamatan orang lain dalam kenderaan yang kita pandu atau kenderaan lain yang sama-sama sedang menggunakan jalan raya.

Kepentingan bersabar dan menahan marah termasuk ketika berada di jalan raya ini amat dituntut dalam Islam. Dalam Hadits dari Abu Hurairah Radhiyallahu anhu, bahwa Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda:

((لَيْسَ الشَّدِيدُ بِالصُّرْعَةِ، إِنَّمَا الشَّدِيدُ الَّذِي يَمْلِكُ نَفْسَهُ عِنْدَ الْغَضَبِ))

“Bukanlah orang yang kuat itu dengan beradu tenaga, akan tetapi orang yang kuat itu adalah orang yang mampu mengendalikan dirinya ketika marah.”

Dalam sebuah Hadits dari ‘Adi bin Tsabit Radhiyallahu anhu ia berkata:

عَنْ عَدِيِّ بْنِ ثَابِتٍ، حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ صُرَدٍ قَالَ: اسْتَبَّ رَجُلَانِ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَنَحْنُ عِنْدَهُ جُلُوسٌ، وَأَحَدُهُمَا يَسُبُّ صَاحِبَهُ مُغَضَّبًا قَدْ احْمَرَّتْ وَجْهَهُ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((إِنِّي لَا أَعْلَمُ كَلِمَةً لَوْ قَالَهَا لَذَهَبَ عَنْهُ مَا يَجِدُ! لَوْ قَالَ: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ)) فَقَالُوا لِلرَّجُلِ: أَلَا تَسْمَعُ مَا يَقُولُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ؟ قَالَ: إِنِّي لَسْتُ بِمَجْنُونٍ))

“Dari ‘Adi bin Tsabit, telah meriwayatkan kepada kami Sulaiman bin Shurad, ia berkata, ‘Ada dua orang yang saling mencaci di hadapan Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wa sallam sedangkan kami duduk di sekeliling beliau, salah seorang dari keduanya mencaci yang lainnya seraya marah-marah dengan wajah memerah.’ Lalu Nabi bersabda: ‘Sesungguhnya aku mengetahui sebuah kalimat, apabila ia mengucapkannya maka apa yang didapatinya (kemarahan) itu akan hilang, yaitu apabila ia berkata: “أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ” (Aku berlindung kepada Allah dari godaan syaitan yang terkutuk).” Mereka berkata kepada orang tersebut: ‘Apakah engkau tidak

mendengarkan perkataan Nabi Shallallahu ‘alaihi wa sallam?’ Ia berkata: ‘Sesungguhnya aku bukan orang yang gila.’”

Hadits dari Abu Hurairah Radhiyallahu anhu pula seterusnya menjelaskan:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَجُلًا قَالَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَوْصِنِي. قَالَ ((لَا تَغْضَبْ)) فَرَدَّدَ مِرَارًا، قَالَ: لَا تَغْضَبْ

“Dari Abu Hurairah Radhiyallahu anhu bahwasanya ada seseorang berkata kepada Nabi Shallallahu ‘alaihi wa sallam: ‘Berikanlah nasihat kepadaku.’ Beliau berkata: ‘Janganlah engkau marah.’ Orang itu mengulangi permintaannya beberapa kali, beliau tetap berkata: ‘Janganlah engkau marah.’”

Apabila ‘Umar Radhiyallahu anhu berkhotbah, ia berkata dalam khutbahnya:

((أَفْلَحَ مِنْكُمْ مَنْ خَفِظَ مِنَ الطَّمَعِ، وَالْهَوَى، وَالْغَضَبِ))

“Orang yang beruntung di antara kalian adalah orang yang terjaga dari ketamakan, hawa nafsu dan amarah.”

Dikatakan kepada ‘Abdullah Ibnul Mubarak, “Sebutkanlah kepada kami secara menyeluruh dalam satu kalimat tentang akhlak yang baik.” Maka ia berkata, “Meninggalkan amarah,” itulah hakikat marah dalam Islam. Justeru boleh difahami bahawa menahan sabar dan marah itu amat penting ketika di jalan raya agar sifat-sifat mahmudah, akan mudah terserlah ketika kita memandu. Jika kita dengan senang hati, memberi laluan, mengalah dan sabar berdepan dengan kerenah pemandu lain, maka itu menunjukkan kita berusaha mentarbiyah dan mendidik diri agar memiliki sifat sabar, pemaaf dan pemurah dalam kehidupan.

2. Sombong

Islam adalah agama syumul yang sentiasa menggalakkan umat manusia supaya sentiasa memelihara dan menjaga keamanan, keselamatan nyawa, harta benda, ajaran agama dan perkara-

perkara lain. Ianya juga menyarankan umatNya supaya berikhtiar dan berusaha sedaya upaya untuk mengelakkan dan menjauhkan diri daripada perkara yang boleh mendatangkan kebinasaan dan kemusnahan.

Antara sikap yang amat tidak digemari oleh manusia untuk dihadapi ialah sikap sombong atau takabbur. Walaupun sikap ini tidak menyebabkan kekurangan kepada diri orang lain secara fizikalnya, tetapi mengucapkan perkataan-perkataan yang berbaur ketakburan atau kesombongan disertai dengan pemanduan yang tidak berhemah menyebabkan orang yang mendengar merasa meluat, tersinggung dan panas hati.

Apakah tanggapan agama terhadap sikap sombong atau takabbur? Adakah Islam amat memberi perhatian kepada sikap ini yang pada lahirnya tidak memberi kesan yang nyata kepada diri pelaku atau orang di sekeliling? Di dalam ruangan ini kita akan cuba mengupas secara terperinci mengenai sikap sombong atau takabbur ini.

Sombong atau takabbur ertinya perasaan tinggi diri oleh si pelaku terhadap satu atau lebih mengenai dirinya dalam aspek-aspek kehidupan. Seseorang itu boleh bersikap sombong kepada orang di sekelilingnya jika dia mendapati kedudukannya lebih tinggi berbanding orang di sekelilingnya. Kesombongan atau ketakaburan juga boleh berlaku apabila manusia mendapati keturunannya, sifat lahiriahnya sama ada cantik, kacak atau perkasa ataupun kaya dari segi material adalah lebih berbanding dengan orang lain. Ini termasuklah apabila memiliki kenderaan yang lebih canggih, hebat dan laju berbanding pemandu lain.

Di dalam hal ini kita perlu menyedari hakikat bahawa tidak ada satu makhluk pun di dunia ini yang mengatakan bahawa dia berhak untuk berlaku sombong. Ini kerana, kesombongan atau kebanggaan itu menunjukkan kebesaran atau kehebatan diri seseorang. Sedangkan kebesaran atau kehebatan adalah kriteria mutlak yang menjadi milik Allah s.w.t., dan tidak ada seorangpun yang boleh memilikinya. Ini seiring dengan sebuah hadis Qudsi yang bermaksud:

"Allah Ta'ala berfirman (di dalam Hadis Qudsi): Kesombongan adalah selendangKu dan kebesaran adalah sarungKu. Maka barang siapa menyamai-Ku salah satu dari keduanya, maka pasti Kulemparkan ia ke dalam Jahannam dan tidak akan Kupedulikan lagi."

Apabila kita meneliti maksud hadis ini, ia dengan jelas menyatakan bahawa kesombongan dan kebesaran itu hanya milik Allah s.w.t. semata-mata dan bukan bagi sekalian makhluk termasuk manusia.

Abu Bakar Al-Hazali berkata:

"Suatu hari kami bersama Hassan. Lalu Ibn al-Ahlam datang kepada kami hendak bercukur. Dia memakai jubah sutera tersusun di atas betis, tersingkap pula bahagian luarnya. Dia berjalan berlenggang. Perbuatannya yang sedemikian itu dilihat oleh Hassan, lalu Hassan pun berkata: "Sombongnya, dia memalingkan pipi dan menampakkan kebodohnya. Engkau akan terlihat kebodohanmu dalam nikmat yang tidak disyukuri dan tidak menggunakannya sesuai dengan perintah Allah serta tidak pula memberikan haknya pada setiap yang memerlukan. Nikmat itu hak Allah dan dengannya syaitan sentiasa mencari mangsa. Demi Allah, seseorang yang berjalan dengan wataknya atau bergerak seperti orang gila itu lebih baik daripada ini." Ibn al-Ahlam mendengar lalu dia kembali dan minta maaf kepadanya. Hassan berkata, "Jangan kau minta maaf padaku, tapi bertaubatlah kepada Allah. Tidakkah engkau dengar firman Allah, yang mafhumnya:

:"Janganlah engkau berjalan di muka bumi dengan sombong, sesungguhnya engkau itu tiada dapat menembusi bumi dan tidak akan engkau sampai setinggi gunung." (Al-Isra':37)

Adalah menjadi tanggungjawab bersama pengguna terutamanya di jalan raya tidak kiralah pemandu, penumpang atau yang berjalan kaki supaya berhemat dan jugak bertolak ansur sesama sendiri agar semua pihak dapat menggunakan jalan raya dengan selamat dan tidak berlakunya perkara yang tidak diingini. Dalam hadits riwayat Imam at-Tirmidzi, daripada Anas Radhiallahu ‘anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksudnya:

“Sesungguhnya Allah akan bertanya kepada setiap penanggungjawab akan tanggungjawabnya, apakah dia telah memeliharanya atau mensia-siakannya.”

Oleh itu janganlah kita bersikap sombong ketika memandu sehingga tidak menghiraukan pengguna yang lain. Pentingkan diri sendiri seperti tidak memberi jalan kepada orang lain,

merendahkan kemampuan orang lain, memandu dengan laju kerana ingin menunjuk-nunjuk, tidak hormat kepada penjalan kaki dan sebagainya juga boleh mengakibatkan puncanya kemalangan serta menerima padah ke atas sikap itu sendiri. Orang yang sombong menghina orang lain di dunia akan turut mendapat kehinaan di hari akhirat seperti yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Allah tidak akan memandang mereka, berbicara dengan mereka atau menyucikan mereka dan inilah kehinaan yang sebenar-benar hina.

Dalam hadits ada menjelaskan riwayat Imam Muslim daripada Abdillah bin Mas'ud, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksudnya:

“Tidak masuk syurga orang yang ada dalam hatinya seberat biji sawi dari kesombongan. Maka seorang lelaki bertanya: Sesungguhnya seseorang menyukai pakaiannya yang bagus dan seliparnya elok. Nabi menjawab: Sesungguhnya Allah Maha Indah dan menyukai keindahan, sombong itu menolak kebenaran dan meremehkan manusia.”

Dengan menghayati sunnah Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam yang sangat menitikberatkan hubungan baik sesama insan, hormat menghormati serta tidak sombong menjadi perangsang untuk membina silaturahim dengan sesiapa saja walaupun dengan orang yang telah menzalimi kita. Apa yang ditonjolkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada para sahabat serta umat Islam seluruhnya melalui sirah dan kisah sahabat yang disampaikan sehingga kini adalah demi menjaga dan mengelakkan umat baginda daripada menghuni neraka. Diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Haritsah bin Wahab, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

“Mahukah kalian aku beritahu penghuni syurga? Setiap orang lemah dan diperlemah. Andai ia telah bersumpah atas nama Allah pasti Allah akan menunaikannya. Mahukah kalian aku beritahu penghuni neraka? Setiap orang yang kejam, bengis dan sombong.”

3. Menjauhi Ithar dan pentingkan diri sendiri

Apakah ithar? Definisi ithar ialah manusia mendahulukan hajat orang lain melebihi dirinya sendiri. Contohnya manusia menahan lapar dan dahaga demi menghilangkan lapar dan dahaga manusia lain terlebih dahulu. Ia ialah sifat mengutamakan orang lain daripada diri sendiri. Dalam konteks di jalan raya sifat tersebut sangat dituntut dalam sama-sama tolong ansur, timbang rasa khasnya pada waktu kesesakan berlaku. Sifat ini adalah sifat mulia seseorang muslim yang hanya menginginkan keredhaan Allah SWT. Ini bersesuaian dengan sebuah hadis sahih yang bermaksud "Tidak sempurna iman seseorang sehingga dia menyayangi saudaranya seperti dia menyayangi dirinya sendiri". Dalam erti yang lain ithar membawa maksud gaya hidup masyarakat yang menolong, menghormati, berbakti, bersimpati, berkasih sayang, bertimbang rasa, pemurah kepada golongan yang memerlukan bantuan dan berada dalam kesempitan.

Dalam sejarah Islam kita dapat melihat peristiwa ithar dalam kisah Hijrah Rasulullah SAW. Saidina Ali k.w. sanggup mengambil tempat Rasulullah SAW dan tidur di katil Rasulullah SAW ketika baginda hendak berhijrah ke Madinah sedangkan Saidina Ali k.w. tahu rancangan kaum kuffar hendak membunuh Rasulullah SAW pada malam itu.

Sifat ithar turut ditunjukkan oleh kaum Ansar di Madinah, ketika kaum Muhajirin dari Mekah berhijrah ke Madinah. Kaum Muhajirin meninggalkan kampung halaman mereka di Mekah kerana Allah SWT. Mereka hanya membawa bersama mereka sedikit harta dan bekalan. Mereka disambut dengan baik oleh penduduk Madinah. Bahkan, kaum Ansar di Madinah melebihkan kaum Muhajirin daripada diri mereka sendiri. Inilah sifat ithar yang mereka tunjukkan kepada kaum Muhajirin.

Lawan kepada sifat ithar ialah sifat pentingkan diri sendiri. Sifat ini membawa maksud menyayangi diri sendiri sehinggakan mendahulukan kepentingan diri sendiri semata-mata tanpa menghiraukan keperluan orang lain. Ini merupakan satu sifat buruk yang perlu dihindari oleh manusia.

Dalam konteks kemalangan jalan raya, maka kedua-dua sifat ithar dan pentingkan diri sendiri memberi kesan yang besar dari aspek positif dan negatif dalam menyumbang kepada statistik kemalangan.

Apabila sifat ithar menjadi amalan pengguna jalan raya, maka sudah tentu wujud suasana harmoni dan bertolak ansur mendahulukan yang lain di kalangan mereka yang akhirnya boleh mengelakkan kemalangan dan seterusnya menyelamatkan nyawa. Ini kerana pengguna jalan raya masing-masing sanggup memberi laluan, bertolak ansur walaupun kadang-kadang dalam sesuatu situasi di atas jalan raya, mereka sebenarnya lebih berhak melalui sesuatu jalan atau sebagainya.

Faktor kelalaian manusia banyak yang menyumbang kepada nahas jalan raya. Ini secara kesimpulannya boleh kita katakan akibat mementingkan diri sendiri. Sifat mementingkan diri sendiri termasuklah terus memandu dalam keadaan mengantuk, memandu dalam keadaan kurang mahir dalam pemanduan kereta, tidak memeriksa keadaan kenderaan, bersikap panas baran, bersaing-saing di jalan raya, dan tidak mahu mengalah atau bertolak ansur.

Antara punca berlaku kemalangan ialah memotong kenderaan tetapi tidak lepas sehingga menyebabkan bertembung dengan kenderaan di laluan bertentangan. Sebagai pemandu, kita sudah tentu ada yang pernah berada dalam situasi iaitu kenderaan di laluan bertentangan di hadapan kita yang cuba memotong kenderaan di hadapannya tetapi berhadapan dengan masalah memotong. Jika situasi ini berlaku, apakah tindakan kita? Adakah kita menyalakan lampu tinggi, memandu kenderaan macam biasa bahkan lebih laju kerana kita sebenarnya berada di jalan kita, pemandu di hadapanlah yang salah kerana memotong tanpa melihat terlebih dahulu kenderaan di hadapan? Pemandu kenderaan yang cuba dipotong itu, adakah beliau terus memecut macam biasa atau lebih laju apabila melihat ada kenderaan di belakang yang cuba memotongnya?

Jika inilah sikap kita, sudah tentu banyak lagi kemalangan akan berlaku. Pemandu seumpama ini sebenarnya mementingkan diri sendiri yang akhirnya jika kemalangan berlaku bukan sahaja melibatkan orang lain bahkan kemalangan dan kesusahan kepada dirinya juga. Jika sifat mahmudah seperti ithar menjadi amalan, maka sudah tentu pemandu ini akan cuba memberi laluan sedapat yang mungkin kepada kenderaan yang ingin memotong dari arah bertentangan itu seperti dengan memperlahankan kenderaannya, atau mengelak ke tepi kiri sedikit tanpa memberikan lampu tinggi. Ini kerana memberi lampu tinggi dalam budaya pemanduan kereta di negara kita bukan sesuatu yang diterima secara positif bahkan ramai yang berasa kurang selesa di samping mengganggu penglihatan pemandu lain apatah lagi dalam pemanduan kecemasan.

Banyak situasi seumpama ini di jalan raya yang kita boleh buat contoh. Apa pun, perkara yang penting ialah sikap pengguna jalan raya itu sendiri yang boleh mengelakkan kemalangan. Dengan bersikap ithar atau memberi keutamaan dan bertimbang rasa kepada pemandu lain, kita sebenarnya menyumbang dalam menjaga nyawa sesama manusia. Seperti yang kita ketahui memelihara nyawa manusia merupakan salah satu tuntutan maqasid syariah dan menjadi tanggungjawab kita untuk berusaha menunaikannya. Semoga dengan mengamalkan ithar dan menjauhkan sifat pentingkan diri sendiri dapat dijadikan pedoman dalam kehidupan kita apatah lagi ketika kita menggunakan jalan raya.

Kesimpulan

Salah laku jalan raya merupakan perkara yang berkaitan dengan sikap pengguna jalan raya. Dari segi etika perkara ini berpunca daripada keperibadian pengguna jalan raya yang buruk, penyusunan tatatingkat nilai yang bermasalah dan juga pelbagai masalah psikologi yang memecahkan benteng moral pemandu. Bagi menyelesaikan masalah salah laku jalan raya, pendekatan menyeluruh adalah diperlukan seperti mengambil pendekatan melalui pendidikan, penrundangan dan penyelidikan. Akhir sekali, pengguna jalan raya disaran supaya mengamalkan sifat mahmudah serta menjauhi sifat mazmumah dengan sentiasa mengelakkan diri daripada terlibat dalam salah laku jalan raya.

Rujukan:

1. AlQuran AlKarim.
2. Hadith Nabawi.
3. الأربعين في أصول الدين، الإمام المجتهد حجة الإسلام زين الدين أبي حامد محمد بن محمد الغزالي، دار المنهاج للنشر و التوزيع 2011
4. *Kemalangan Jalan Raya Berpunca Sikap Pemandu Sendiri*, Dk Hj. Saidah bte Pg. Hj. Omarali, Pelita Brunei, Selasa 19 Mac 2014
5. <http://genta-rasa.com/2015/05/28/islamkah-kita-di-jalan-raya/>
6. <https://almanhaj.or.id/4027-marah-dan-hakikatnya-dalam-islam.html>
7. *Hubungan Sikap Pengguna Dengan Keterlibatan Dalam Kemalangan Jalan Raya*, Lim Aik Kuan, Universiti Sains Malaysia 2007
8. *Kajian Kemalangan Jalan Raya Selekoh KM38 Laluan F0023, Jalan Persekutuan Daerah Muar*, Fazilah Hatta, Universiti Teknologi Malaysia 2006
9. *Jangan Ambil Risiko*, Pg Fairol Rezal Malek Faisal Pg Hj Merali, Media Permata, September 2015
10. *Perbetulkan Sikap Di Jalan Raya*, Mohd. Radzi Mohd Zin, Al Bayan, Utusan Malaysia, 22 Januari 2016
11. *Kawal Kemarahan Dengan Kesabaran*, Seruan Suci, Pelita Brunei, Sabtu 16 April 2016